

BAB EMPAT

PANDANGAN R.O. WINSTEDT TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM DI TANAH MELAYU

4.0 PENGENALAN

Kemunculan orientalisme dalam sejarah tamadun manusia telah membawa satu fenomena baru yang menular ke seluruh dunia iaitu penerapan undang-undang Barat dalam sistem pemerintahan dan kehidupan rakyat peribumi di setiap tanah jajahan pada sekitar abad ke-19 dan ke-20. Penerapan undang-undang Barat ini dilakukan secara paksa dengan tujuan tertentu termasuklah hasrat menghakis pengaruh syariah dalam sistem pemerintahan dan setiap urusan kehidupan, selain bertujuan memudahkan pihak pentadbir jajahan melaksanakan urusan pemerintahan.¹

Seperti yang dibincangkan dalam bab kedua dan ketiga, pengkaji meletakkan Winstedt sebagai tokoh yang berpegang kepada falsafah logikal empirikal positivisme. Melalui falsafah ini, ianya dianggap sebagai satu-satunya kaedah untuk mendapatkan suatu fakta keilmuan dengan tepat dan betul melalui kaedah penelitian yang cukup sistematik, teliti dan objektif.² Pendekatan ini ditunjangi paradigma penolakan agama dan menggunakan sepenuhnya keupayaan akal dalam setiap pertimbangan kehidupan.³ Akan

¹ Esposito, John L. (1996), *Islam and Democracy*, Oxford: Oxford University Press, hh. 143-144.

² Mohd Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*, Semarang: Dina Utama, hh. 10-12.

³ Abdul Rahman Abdullah (2000), *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 71-72.

tetapi, pada dasarnya pendekatan ini jelas berasaskan kepada pendekatan skeptisisme dalam menilai sesuatu perkara termasuklah yang berkaitan dengan undang-undang Islam.

Winstedt di dalam karyanya yang bertajuk *A History of Perak*, dengan berani memberikan pandangan yang lantang apabila beliau mengatakan segala kekurangan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Islam boleh diperbaiki dengan syarat menerima pengaruh Barat dan menganggap mereka sebagai penyelamat tamadun Melayu.⁴ Justeru, pengkaji di dalam bab ini akan cuba menganalisa pandangan Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu dengan teliti menerusi karya-karya pilihan beliau. Kesukaran yang pengkaji akan alami dalam proses penganalisaan ini adalah bidang kepakaran Winstedt bukan kajian mengenai undang-undang Islam, tetapi lebih kepada kajian mengenai sejarah, masyarakat, budaya dan kesusasteraan.

4.1 KOLONIALISME DAN IMPAKNYA TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM DI TANAH MELAYU

Sebenarnya asakan kolonialisme telah mencetuskan pertembungan antara undang-undang Islam dengan undang-undang Barat di seluruh negara Islam. Pihak penjajah ini telah menggunakan pelbagai helah dalam memaksa penguatkuasaan undang-undang Barat untuk diterima pakai dalam sistem pentadbiran dan perundangan di setiap negeri yang dijajah. Sikap yang ditunjukkan oleh golongan ini jelas tidak menghormati undang-undang Islam dan mereka merasakan bahawa undang-undang Barat yang lebih sempurna dan lengkap

⁴ Lihat Winstedt, R.O. (1934), "A History of Perak", dalam *JMBRAS*, v. 12, pt. 1, h. 73.

untuk menguruskan kehidupan manusia.⁵ Sebagai bukti pengkaji membawakan beberapa contoh seperti yang berlaku pada zaman pemerintahan Empayar Turki Uthmaniah. Penerapan undang-undang Barat ini berlaku sekitar tahun 1839 hingga 1876 iaitu pada zaman yang dipanggil zaman *Tanzimat*.⁶ Ianya berlaku pada saat bermulanya era kejatuhan empayar tersebut.⁷ Keadaan yang hampir sama juga dialami oleh Mesir sebelum ditakluki British pada tahun 1882.

Melalui proses pemaksaan undang-undang Barat di Alam Melayu, pihak penjajah British dan Belanda telah berusaha memaksakan penggunaan undang-undang ini di Tanah Melayu dan Indonesia atas nama kemajuan dan pemodenan serta dengan alasan undang-undang Islam yang ada sudah tidak bersesuaian dengan peredaran masa.⁸ Masing-masing menggunakan pendekatan yang berbeza sesuai dengan tindak balas dan tentangan yang dihadapi. Pihak British dalam usaha menerapkan fahaman sekularisme yang memisahkan agama dari urusan pemerintahan, turut berusaha dalam mencabuli urusan pentadbiran agama,⁹ di mana mereka telah meletakkan urusan agama supaya terangkum dalam sistem birokrasi. Ini bermula di Perak dengan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874, apabila

⁵ Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

⁶ Pada ketika ini, undang-undang perniagaan, kanun keseksaan undang-undang maritim yang berpandukan kepada undang-undang Perancis telah disusun. Kanun keseksaan yang baru ini telah memansuhkan semua pengaruh syariah termasuklah hukum hudud dan dikecualikan hukuman mati bagi mereka yang murtad. Sila rujuk Auni Hj. Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd, h. 103.

⁷ Nik Azran Muhamed & Mohd Mahadi Isa (2009), *Gerakan Freemasonry: Musuh Dalam Menghancurkan Islam*, Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.

⁸ Untuk maklumat lanjut sila lihat Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), "Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis", dalam *Jurnal Syariah*, J. 9, Bil. 1, hh. 4-6.

⁹ *Ibid.*

mereka campur tangan dalam soal perlantikan ketua kadi dan para pembantunya serta bertindak menghadkan kuasa kadi.¹⁰

Bagi menjayakan dasar tersebut, pihak British telah mewujudkan dua sistem iaitu residen dan penasihat. Proses tersebut telah dikuatkuasakan menerusi Majlis Mesyuarat Negeri yang dikuasai oleh mereka.¹¹ Proses yang dipanggil dasar Domestikasi yang dijalankan secara berperingkat-peringkat ini telah meletakkan pentadbiran urusan agama di bawah satu pusat kekuasaan dan ini memudahkan mereka mengawasi segala perkembangan agama termasuk urusan pentadbiran agama dan pelaksanaan sistem perundangan Islam. Dasar Domestikasi ini merupakan helah pihak British menjinakkan dan seterusnya membelenggu pemikiran masyarakat Islam di Tanah Melayu.¹²

Pihak British telah bertindak semakin agresif dalam soal penguatkuasaan undang-undang Barat apabila mereka secara jelas menggubal undang-undang yang secara langsung menyentuh mengenai undang-undang syariah. Ini berlaku dalam tahun 1880 apabila mereka memperkenalkan “*The Mohammedan Marriage Ordinance*” di negeri-negeri Selat.¹³

¹⁰ Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit.*, hh. 104-105. Selain itu, lihat juga Winstedt, R.O. (1934), “A History of Perak”, dalam *JMBRAS*, v. 12, pt. 1, h. 73 dan Khoo Kay Kim (2001), *Malay Society Transformation and Democratisation*, c. 3, Subang Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd, hh. 161-180.

¹¹ Shamsul Amri Baharuddin (2000), “Ilmu Colonial dan Pembinaan Fakta Mengenai Malaysia”, dalam Rahimah Abdul Aziz (ed), *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 192-193.

¹² Khoo Kay Kim (2001), *Op.cit.*, hh. 161-180.

¹³ “*The Mohammedan Marriage Ordinance*” ini kemudiannya diperkenalkan di negeri-negeri Melayu Bersekutu dan negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Ia bermula di Perak pada 1885 dan berakhir di Kelantan pada 1938. Undang-undang ini menggariskan panduan tentang pendaftaran perkahwinan dan penceraian, peranan kadi dan kedudukan harta yang berbangkit daripada perkahwinan di kalangan masyarakat Islam, dan lebih penting lagi undang-undang ini membentuk peraturan-peraturan mengenai pentadbiran hal ehwal agama. Lihat Hamid Jusuh (1991), *The Position of Islamic Law in Malaysian Constitution*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 14-15.

Undang-undang ini disusun berpandukan undang-undang Islam yang diamalkan oleh British di tanah jajahannya di India. Undang-undang tersebut digubal oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris yang berpusat di Bengal dan ia dikenali sebagai “*Anglo-Muhammedian Laws*” yang telah diamalkan di India sejak tahun 1772. Malah, Perjanjian persekutuan yang ditandatangani pada tahun 1895 telah melanjutkan penguasaan British dalam urusan pemerintahan dan urusan agama.

Secara keseluruhannya, pada pandangan pengkaji undang-undang tersebut gagal mencerminkan ciri-ciri perundangan Islam yang sebenar, malah ia lebih banyak cuba memasukkan pengaruh undang-undang Barat ke atas undang-undang Islam sehingga jelas menampakkan satu usaha pencabulan terhadap kesucian agama Islam dan ianya juga seiring dengan matlamat akhir imperialisme untuk menguasai kehidupan rakyat jajahannya dalam semua aspek. Perbuatan tersebut menurut Abd Jalil Borham ibarat “Baling Batu Sembunyi Tangan”, yang bermaksud apabila seseorang pemimpin membuat sesuatu keputusan terutama yang akan menyentuh kepentingan banyak pihak, maka ianya turut menuntut sikap pertanggungjawaban beliau dan tidak boleh bersifat lepas tangan dalam apa jua keadaan walaupun melibatkan persoalan undang-undang dari negara jajahan.¹⁴

Sebagai relevansi kepada pernyataan di atas, pada tahun 1884 pihak British telah menguatkuasakan kanun keseksaan di Perak. Undang-undang ini berdasarkan kanun keseksaan negeri-negeri Selat. Seterusnya perlaksanaan undang-undang ini menjalar ke seluruh negeri Melayu yang lain. Pada tahun 1893, ordinan keterangan pula diperkenalkan di Selangor dan diikuti oleh negeri-negeri lain selepas itu. Seterusnya, diperkenalkan

¹⁴ Abd Jalil Borham, Prof. Dr. merangkap Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Temubual pada 29 Oktober 2011.

undang-undang Tanah, undang-undang Kontrak dan undang-undang Jenayah pada tahun 1894, 1899 dan 1900. Seluruh undang-undang ini jelas menunjukkan bahawa prinsip undang-undang Barat telah digunakan untuk menggantikan undang-undang Islam.¹⁵

Seperti yang telah diterangkan oleh pengkaji sebelum ini, sungguhpun tindakan pihak pentadbir British tersebut dilakukan dengan alasan untuk mengemaskini dan melincinkan pentadbiran hal ehwal agama, tetapi ia dilakukan secara paksaan ke atas anak jajahan dan yang paling mengecewakan apabila undang-undang ini digubal tanpa berpandukan kepada ajaran Islam yang tulen, malah telah menyelitkan pengaruh undang-undang Barat ke dalamnya.

4.2 KARYA-KARYA WINSTEDT YANG BERKAITAN DENGAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan tentang kandungan beberapa karya pilihan yang dihasilkan oleh Winstedt sepanjang pengkajian beliau terhadap tamadun Melayu merangkumi sejarah, kesusasteraan, budaya dan masyarakat. Tetapi, bidang kepakaran Winstedt bukan kajian mengenai undang-undang Islam. Namun, terdapat juga pandangan beliau mengenainya walaupun ianya bukan dari kepakaran dalam bidang beliau. Analisa mengenai pandangan Winstedt terhadap undang-undang Islam di Tanah Melayu akan dibincangkan dalam bahagian yang seterusnya. Karya pilihan yang dimaksudkan pengkaji adalah *The Malay: A Cultural History*, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, *A History of Malaya* dan *Kitab Tawarikh Melayu*. Selepas

¹⁵ Lihat Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit*, h. 106 dan Taufik Abdullah (1987), *Islam dan Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 132.

pengkaji menghuraikan tentang kandungan penceritaan dalam karya pilihan di atas, pengkaji akan mengkritik pula tentang mutu dan keautoritian ke atas karya pilihan tersebut.

1) Karya yang bertajuk *The Malay: A Culture History*.

Karya ini menghuraikan tentang kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu, bagaimana terbentuknya sistem kepercayaan dari pengaruh Hindu hinggalah datangnya Islam. Bagi menambah isi perbincangan di atas, Winstedt turut menghuraikan mengenai undang-undang adat khususnya Minangkabau. Bagi beliau undang-undang Islam dan undang-undang adat adalah dua jenis undang-undang yang berbeza. Winstedt di dalam karya ini telah membandingkan kedua-dua undang-undang tersebut berdasarkan pendekatan orientalis. Pengkaji akan menganalisa bahagian ini dalam bab keempat. Karya ini juga menghuraikan tentang bagaimana kebudayaan Melayu terbentuk, bermula dari Kerajaan Melayu Melaka hingga ke kerajaan Melayu yang lain di rantau Alam Melayu saling berhubungan di antara satu sama lain, dari segi sejarah, bahasa, kesusasteraan dan sosial.

Winstedt di dalam karya ini, menjelaskan di awal pengenalan bahawa "*The conception of culture in this book is implicit in its table of contents. Broadly it is regarded as a body of ideas, practices and techniques that have been cherished by the Malays long enough to affect their way of life, a legacy that gives them heart and interests saves their minds from inanition as food saves their bodies*".¹⁶ Berdasarkan pernyataan di atas, beliau jelas mengangkat karya ini sebagai sebuah kajian yang lengkap mengenai masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

¹⁶ Winstedt, R.O. (1961), *The Malay: A Cultural History*, London: Routledge & Kegan Paul Ltd, h. 1.

Selain itu, Winstedt berpandangan bahawa keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu merangkumi sistem kepercayaan, budaya, bahasa, sosial dan kesusasteraan meliputi pengaruh Hinduisme dan Islam. Beliau menyatakan bahawa *“Malay culture includes a fear of nature spirits, an instinctive perception of the “unbecoming” rather than of the sinful and the criminal, the séance of the shaman, the Hindu ritual of a royal installation, the celebration of the Muhammadan New Year, the sermon in the mosque, the pilgrimage to Mecca, Sufi mysticism...”*¹⁷

Winstedt di dalam karya ini turut menyatakan, bahawa Islam di Tanah Melayu merupakan persis dari agama Hindu dan dipengaruhi dengan kepercayaan Hinduisme.¹⁸ Hujah beliau berdasarkan dari penemuan Marco Polo pada tahun 1292, bahawa sebelum penerimaan Islam di Samudera dan Pasai, sistem kepercayaan pertama yang dipegang oleh masyarakat tersebut adalah dari agama Hindu, selepas itu barulah agama Islam mula memperluaskan kekuasaannya di seluruh rantau Alam Melayu.¹⁹ Berdasarkan hujah di atas, pengkaji beranggapan disebabkan itulah Winstedt menganggap Islam yang ada di Tanah Melayu telah diselaputi dengan nilai-nilai Hinduisme yang menyebabkan Islam hanya dianggap sebagai agama yang sangat rapuh, yang mudah dipengaruhi berbanding kepercayaan lain.

Di akhir karya beliau ini, Winstedt telah membuat kesimpulan apabila menafikan tahap kepandaian masyarakat Melayu dengan menyatakan, *“The Malay is still a child of nature in a sophisticated world that awaits his exploration. If any Malay should develop an original literary bent, it is more likely that the impulse*

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*, hh. 33-44.

¹⁹ *Ibid.*

*will come from densely populated Java or even from Sumatra rather than from the two and a half million Malays of the peninsula, though it is not always the probable that happens”.*²⁰

2) Karya yang bertajuk *A History of Malaya*

Karya ini adalah berbeza dengan karya di atas kerana perbincangan karya yang lepas lebih menjurus kepada kebudayaan, sosial, pandangan mengenai kesusasteraan dan agama berbanding karya ini. Karya ini penghuraiannya lebih kepada sejarah Tanah Melayu bermula dari tempoh pengaruh Hinduisme dan Islam, zaman Kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan iaitu portugis, Belanda dan British, Kesultanan Johor selepas jatuhnya Kesultanan Melaka, hubungan Tanah Melayu dengan kerajaan Siam, pencerobohan tentera Jepun sehinggalah kepada penyatuan Tanah Melayu kepada negara yang merdeka. Namun, pengkaji tidak menafikan terdapat juga perbincangan mengenai kebudayaan, kesusasteraan, sosial dan agama dalam karya tersebut. Cuma perbincangannya dibuat secara umum.

Berkenaan kajian beliau dalam karya ini, Winstedt berpandangan bahawa karya tersebut menjawab segala persoalan mengenai sejarah Tanah Melayu. Beliau menyatakan *“No one can engage in first-hand research in all the fields of Hindu, Malay, Chinese, Portuguese, Dutch and English history, so that like every modern historian I am indebted for the material of some of my chapters to the labours of others whose works are cited in my bibliography. The discovery before the world*

²⁰ *Ibid*, h. 181.

war in the library of the chamber of Deputies, Paris, of the Suma Orientalis of Tome Pires has helped me in my researches into the early history of Malacca".²¹

Winstedt dalam karya ini telah mengkategorikan penduduk di Tanah Melayu kepada empat bangsa yang besar, di mana Beliau menyatakan, "*Omitting Indians, Chinese and other immigrants of historical times, the inhabitants of Malaya are of four races: the Negrito, the Sakai, the Jakun (or proto-Malay) and the civilized Malay, though anthropology has not left the Sakai pure and finds even the Negrito composite*".²² Winstedt dalam perbincangan mengenai pengkategorian penduduk di Tanah Melayu, pengkaji melihat beliau menghuraikan pengkategorian tersebut dengan panjang lebar dan jelas pada sudut pandangan orientalis. Namun, pada pandangan pengkaji penghuraian tersebut dilihat mengandungi unsur berat sebelah dan prejudis terhadap bangsa-bangsa tersebut kerana terdapat banyak keburukan yang disebut berbanding kebaikan di dalamnya.

Beliau jelas mempertikaikan kepandaian bangsa Melayu bukan kerana sifat asal mereka tetapi berpunca dari proses difusi iaitu percampuran dengan bangsa asing. Dalam karya ini juga, Winstedt jelas menggunakan pendekatan evolusionisme dalam mengangkat kedudukan British sebagai bangsa yang hebat dan penyelamat kepada tamadun lain yang belum mencapai kemajuan.

Selain itu, perbincangan mengenai pengaruh Hinduisme dalam kehidupan masyarakat Melayu turut diselitkan oleh Winstedt. Namun, huraianya tidak selengkap *The Malay: A Culture History*. Tetapi, isi perbincangannya lebih kepada tempoh pemerintahan Sri Vijaya dan Majapahit di rantau ini sebelum penyebaran Islam yang meluas dan penubuhan empayar pemerintahan Kesultanan Melayu

²¹ Winstedt, R.O. (1988), *A History of Malaya*, Kuala Lumpur: Marican & Sons, h. iii.

²² *Ibid*, h. 11.

Melaka. Winstedt dalam karya ini menjelaskan, *“Sri Vijaya had its beginning at Palembang which lying at the south of Sumatra dominated the straits of Sunda. Near to its capital Bukit Seguntang (its Mahameru) is a statue of Buddha in the Amaravati style, which goes to confirm a statement by the Buddhist I-Tsing that in 671 A.D”*.²³

Winstedt dalam karya ini juga menyifatkan kehadiran British sebagai penyumbang besar kepada pengabungan “Tanah Melayu” bermula dari pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada 1786 hinggalah penyerahan Melaka oleh Belanda kepada British pada 1824. Beliau menyatakan, *“In 1786 Francis Light hard acquired Pinang from the Sultan of Kedah, and in 1800 His Highness ceded what became Province Wellesley to the British for an annual payment of \$4000. On 6 February 1819 Stamford Raffles hoisted the Union Jack over Singapore. Finally by the Anglo-Dutch treaty of 1824 Malacca (with Naning) was transferred to the British”*.²⁴

Di akhir pengkajian Winstedt ini, beliau membuat kesimpulan mengenai bangsa Melayu sebagai suatu bangsa yang memiliki banyak pengaruh luar seperti Hindu dan Arab. Atas sebab itu beliau menyifatkan bangsa tersebut tidak mempunyai identiti tersendiri. Winstedt berpandangan, *“The Malays have experienced many foreign influences, incomparably the greatest being that from India, which gave them three religions, a new magic and medicine, law Hindu and Islamic, the arts of sculpture, gold and silver-work and silk-weaving, two alphabets and a secular and religious literature, full of Sanskrit words for abstract concepts*

²³ *Ibid*, h. 33.

²⁴ *Ibid*, h. 209.

such as danger, intellect, kindness, language, name, price, profit, property, religion, heaven and hell".²⁵

- 3) Karya yang bertajuk *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*.

Karya Winstedt yang bertajuk *Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* ini menghuraikan tentang perhubungan di antara pengaruh Hindu dan Islam khususnya dalam bidang perubatan masyarakat Melayu. Perbincangannya menyentuh tentang sejauhmana tahap kepercayaan masyarakat Melayu berkaitan perkara tersebut, adakah kepercayaan tersebut masih diamalkan di kalangan masyarakat walaupun sudah lama berpegang dengan ajaran Islam seperti upacara pemujaan tanaman, upacara khas menyambut kelahiran bayi dan sebagainya.

Dalam karya ini, Winstedt cuba membuktikan Islam yang dianuti oleh masyarakat di Tanah Melayu adalah berasal dari India Selatan. Beliau berpendapat, "*Islam coming first from India, introduced the Malay to a wide field of fresh magic*".²⁶ Bagi menyokong hujah tersebut, pengkaji turut merujuk sebuah karya pengkajian Winstedt yang bertajuk *The Early Muhammadan Missionaries*. Beliau berpendapat Islam yang dibawa ke Tanah Melayu secara khusus datang dari India Selatan, berdasarkan kepada kajian beliau mengenai *Hikayat Raja Pasai* bahawa Islam di rantau ini dibawa dari India berdasarkan pewarnaan latar belakang India Selatan yang kuat di Pasai,²⁷

²⁵ *Ibid*, h. 263.

²⁶ Winstedt, R.O. (1925), *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, London: Constable, h. 26.

²⁷ Lihat Winstedt, R.O. (1920), *The Early Muhammadan Missionaries*, dalam *JSBRAS*, hh. 5-6.

Berdasarkan dari maklumat tersebut, Winstedt cuba menunjukkan persamaan di antara pengucapan “mantera” oleh penganut agama Hindu ketika upacara rasmi seperti perubatan dengan “doa” yang selalu diucapkan oleh pengamal perubatan Islam. Contoh pengucapannya ialah:

*Genies of supernatural power!
Your home is at the navel of the sea,
By the tree on the broken rock!
Enter not the line drawn by my teacher!
Else will I curse ye with the words!
“There is no God but Allah and Muhammad it His Prophet”
OM! I neutralize all evil,
O Solomon! In the name of God.*

Winstedt dalam karya ini juga menambah, “*When Islam came, the Malay magician sat at the feet of its pundits, studied their arts of divination, and borrowed their cabalistic talismans. Before his old incantations he set the names of Allah and Muhammad, often in impious contexts*”.²⁸ Menerusi pernyataan di atas, pengkaji membuat kesimpulan bahawa Winstedt percaya Islam yang dianuti oleh masyarakat di Tanah Melayu adalah Islam yang dibawa dari India dan pegangan agama di kalangan masyarakat tidak begitu kuat kerana dilihat mereka masih diselaputi dengan nilai-nilai Hinduisme dan mudah dipengaruhi oleh kepercayaan lain. Menurut Winstedt, “*Long before the introduction of Islamic mysticism, Hinduism had encouraged the Malay magician to fortify his powers and command the wonder of the credulous by ascetic practices*”.²⁹

²⁸ Winstedt, R.O. (1925), *Op.cit*, h. 21.

²⁹ *Ibid*, h. 21.

4) Karya yang bertajuk *Kitab Tawarikh Melayu*.

Penghasilan karya bahasa Melayu ini dibantu oleh Daing Abdul Hamid Tengku Muhammad Salleh. Karya ini telah dikategorikan sebagai “*The first scientific work on general Malay history ever produced in the Malay language*” oleh Za’ba dalam karyanya yang bertajuk *Modern Developments*.³⁰ Menurut Winstedt, pengkajian sesebuah buku sejarah mestilah memiliki ciri-ciri seperti fakta dan bukti yang menunjukkan keterangan tersebut. Bagi beliau, ianya sangat bertentangan dengan kesusasteraan Melayu terdahulu yang menjadikan mitos dan cerita dongeng sebagai salah satu bahan penceritaan dalam sesuatu karya.³¹

Karya yang ditulis oleh Winstedt ini, memfokuskan kepada pensejarahan mengenai tamadun Melayu, bangsa, pengaruh Hindu dan Islam dalam masyarakat, zaman Kesultanan Melayu Melaka, kesusasteraan dan sehinggalah kepada kedatangan pihak penjajah ke atas Tanah Melayu. Isi perbincangan yang terdapat dalam karya *A History of Malaya* yang ditulis selepas penerbitan karya *Kitab Tawarikh Melayu*, pada hemat pengkaji kandungan kedua-duanya adalah hampir sama. Winstedt telah menggunakan sudut pandangan yang meragukan dan berat sebelah apabila memberi pandangan terhadap karya kesusasteraan Melayu sebagai “*Maka sungguh pun ada hikayat mencheritakan hal zaman purba kala itu, tetapi tiada-lah berapa guna-nya: kerana segala yang di-riwayatkan dari hal dewa-dewa dan orang kesaktian yang tersebut kesah-nya di-dalam hikayat-hikayat itu sa-mata-mata-lah nampak-nya cherita menyedapkan telinga sahaja, bukan-nya dari-pada perkara yang di-terima dan di-hargakan pada nilayan tawarikh*”.³²

³⁰ Zainal Abidin Ahmad (1940), “Modern Developments”, dalam *JMBRAS*, 17(3), h. 151.

³¹ Winstedt, R.O. (1927), *Kitab Tawarikh Melayu*, Singapore: Fraser & Neave.

³² *Ibid*, h. 16.

Menerusi karya ini, perbincangannya banyak menyentuh tentang bangsa di seluruh kepulauan Melayu terutamanya di Tanah Melayu. Beliau menggelarkan mereka sebagai bangsa campuran, dengan mengatakan “*Sa-sunggoh-nya dari-pada perchamporan lain-lain bangsa (terutama orang Hindu) dengan benih pancharan nenek moyang orang Melayu itu-lah telah jadi-nya bangsa Melayu yang ada sekarang ini, ia-itu yang memenohi jadi penduduk-penduduk merata-rata ‘Alam Melayu’*”.³³ Selain itu, dalam karya ini juga Winstedt turut memperkecilkan suku kaum peribumi Melayu yang lain seperti Semang dan Sakai dengan mengkategorikan mereka sebagai primitif berbanding masyarakat Melayu yang dianggap lebih bertamadun.³⁴

Winstedt turut menjelaskan mengenai pengaruh Hindu dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dengan mengatakan, “*Maka guru yang mula-mula datang memberi tiruan atau tuladan ka-pada orang Melayu berkenaan dengan perkara-perkara kemajuan dan tamaddun dan fikir-fikiran baharu yang tiada pada orang Melayu zaman itu ia-lah orang Hindu; khabar-nya mereka mulai datang itu pada kurun Masehi yang kedua (T.M. 200), tatkala Tanah Jawa sudah di-dudoki oleh orang Hindu itu*”.³⁵ Setelah tersebar pengaruh Hindu dalam kehidupan masyarakat Melayu, Winstedt berpandangan telah berlaku proses penyebaran Islam di Tanah Melayu bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka hinggalah seterusnya. Winstedt dalam hujahnya mengatakan Islam yang disebarkan ke Tanah Melayu bukan dibawa dari Arab tetapi India. Beliau percaya India yang membawa Tanah Melayu kepada ketamadunan berbanding Arab.

³³ *Ibid*, h. 27.

³⁴ *Ibid*, hh. 1-2.

³⁵ *Ibid*, h. 7.

Winstedt menekankan pandangan bahawa masyarakat Melayu tidak berpegang teguh dengan ajaran Islam walaupun sudah lama memeluk agama tersebut dan ianya banyak disalah tafsir oleh masyarakat. Beliau juga menambah, di peringkat awal penyebaran Islam ke Tanah Melayu guru-guru agama tidak begitu dihormati dan sering dipandang serong oleh masyarakat.³⁶

Perbincangan terakhir Winstedt dalam karya ini adalah mengenai penguasaan pihak penjajah ke atas Tanah Melayu bermula dari awal abad ke-14 merangkumi Portugis, Belanda dan British. Berdasarkan pandangan beliau, peranan yang dimainkan oleh Portugis lebih tertumpu kepada proses penyebaran agama Kristian di Tanah Melayu. Penyebaran tersebut menurut Winstedt, dilakukan dengan kaedah pemaksaan dan kekerasan. Disebabkan itulah masyarakat Melayu Islam sangat membenci penjajah Portugis.³⁷

Berbeza dengan penekanan yang dikenakan oleh pihak Belanda apabila memfokuskan proses perdagangan berbanding penyebaran agama Kristian.³⁸ Manakala alasan pihak British dalam mencampuri segala urusan berkaitan pentadbiran dan masyarakat di Tanah Melayu adalah untuk memberikan keamanan dan ketamadunan yang dapat menjamin kelangsungan masyarakat untuk lebih maju berbanding sebelum ini.³⁹ Menerusi pembacaan pengkaji terhadap karya-karya yang lepas berkaitan pandangan Barat ke atas masyarakat Timur seperti *The Importance of Tradition for the Study of Islam, Introduction to Islamic Theology and Law* dan *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, mereka berpandangan tugas untuk

³⁶ *Ibid*, hh. 41-63.

³⁷ *Ibid*, h. 84

³⁸ *Ibid*, h. 94.

³⁹ *Ibid*, hh. 115-116.

membebasikan manusia dari lembah kemunduran adalah terletak di bawah tanggungjawab mereka.⁴⁰

4.2.1 Kritikan Terhadap Karya Winstedt

Pengkaji memilih empat buah karya di atas sebagai rujukan khusus kerana mendapati keempat-empat buah karya ini mempunyai sudut perbincangan yang sama dan mewakili kesemua karya yang dihasilkan oleh beliau dalam bidang yang berkaitan. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati mutu karya pengkajian Winstedt ini berdasarkan pendekatan penyalinan semula karya-karya terdahulu dan banyak perkara ditokok tambah dan dikurangkan mengikut perbandingan karya yang dihasilkan oleh orientalis lain seperti W.G. Shellabear.⁴¹ Pengkaji juga mengenal pasti terdapat persamaan di antara karya-karya beliau dari segi isi perbincangan seperti *The Malay: A Culture History*, *A History of Malaya*, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* dan *Kitab Tawarikh Melayu*. Winstedt kerap mengulangi apa yang sudah diterangkan pada karya terdahulu dalam karya yang seterusnya seperti memperkatakan tentang suku kaum peribumi di Tanah Melayu antaranya Sakai dan Semang. Bagi menampakkan perbezaan penceritaan, beliau menambah penghuraiannya beserta gambar-gambar yang berkaitan.

Dalam menyokong fakta di atas, pengkaji membawa pendapat Muhammad Salleh iaitu, “*Terdapat beberapa kekurangan yang telah saya sebut dan ulang sebelum ini iaitu*

⁴⁰ Sila lihat Wensinck, A.J. (1996), “The Importance of Tradition for the Study of Islam”, dalam *Ian Edge, Islamic Law and Legal Theory*, New York: New York University Press, Goldziher, Ignaz (1981), Andras & Ruth Hamori (terj.), *Introduction to Islamic Theology and Law*, Princeton: Princeton University Press & Schacht, Joseph (1950), *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford: Clarendon Press.

⁴¹ Karya W.G. Shellabear yang dirujuk oleh pengkaji ialah *Sejarah Melayu*. Sila rujuk Shellabear, W.G. (1977), *Sejarah Melayu*: Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

*persediaan sumber sering kurang mencukupi, pendekatan yang tidak menyeluruh, tidak berlaku adil kepada objek kajiannya dan pada peringkat ini, yang dikajinya adalah bahagian-bahagian atau cebisan dari suatu sastera yang cukup kaya, tersebar luas dan berwatak lebih penuh daripada apa yang dikenalnya”.*⁴² A. Teeuw juga melontarkan pandangan yang sama, di mana beliau berpendapat “*Winstedt at that time was the only scholar who would have the presumption to write such a history, and he could not have written it differently from the way he did*”.⁴³

Berkaitan pendekatan penyalinan semula karya terdahulu oleh Winstedt, penyalinan ini telah melahirkan pelbagai versi mengenai sejarah Melayu. Pengkaji akan membandingkan versi yang dihasilkan oleh Winstedt dengan W.G. Shellabear, di mana wujud penambahan dan pengurangan perkataan-perkataan dalam teks dengan ketara. Mungkin bertujuan untuk memperbaiki mutu bahasa dalam karya tersebut, misalnya:

... gilang-gemilang seperti cahaya matahari dan bulan, dan amat bijaksana...⁴⁴

... gilang-gemilang seperti cahaya matahari, dan terlalu amat bijaksana...⁴⁵

Perubahan penceritaan juga berlaku kerana sikap penyalin terbabit yang mengubah jalan cerita atau peristiwa tertentu sehingga menampakkan unsur anakronisme dalam karyanya, seperti penceritaan mengenai peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang oleh

⁴² Muhammad Salleh (1989), “Richard Winstedt: Sarjana Atau Pengkaji Kolonial?”, (Kertas kerja Persidangan Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin, 3 April 1989), h. 16.

⁴³ Teeuw, A. (1971), *A Review of Richard Winstedt: A History of Classical Malay Literature*, dalam *Journal of Asian Studies*, hh. 737-738.

⁴⁴ Shellabear, W.G. (1977), *Op.cit.*, h. 4.

⁴⁵ Winstedt, R.O. (1938), “The Malay Annals, Raffles Ms 18” dalam *JMBRAS*, 16 (3), h. 43.

Sultan Melaka. Perbezaannya adalah watak yang memerintahkan perminangan tersebut, misalnya:

*Maka Sultan Mansur Syah memberi titah pada segala orang besar-besar...bahawa kita hendak beristeri terlebih dari segala raja-raja dalam dunia ini...Maka titah baginda, kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang, Laksamana dan Sang Setialah kita titahkan.*⁴⁶

*Maka titah Sultan Mahmud, jikalau beristeri sama anak raja-raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga...Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang, Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.*⁴⁷

Hasil pembacaan pengkaji berkenaan karya yang mengupas mengenai pengkajian Winstedt seperti Muhammad Salleh yang menulis sebuah kertas kerja bertajuk *Richard Winstedt: Sarjana Atau Pengkaji Kolonial?* dan beberapa buah karya yang lain,⁴⁸ pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kelemahan pengkaji-pengkaji Barat khususnya Winstedt adalah mereka boleh menulis tetapi tidak dapat menilai isi kandungan karya yang asal dengan tepat. Tambahan pula, karya asal itu ditulis dalam tulisan jawi dan bukan semua pengkaji boleh menguasai bahasa dan tulisan tersebut dengan baik. Dicampur dengan kemahiran yang sedikit dan sikap berat sebelah dalam menilai sejarah Melayu, mereka telah menulis mengikut kefahaman mereka sendiri semata-mata.

⁴⁶ *Ibid*, h. 129.

⁴⁷ Shellabear, W.G. (1977), *Op.cit*, h. 215.

⁴⁸ Sila lihat Azhar Ibrahim Alwee (2002), "Orientalisme dalam Pengajian Melayu", (Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu ke-2, Anjuran Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional pada 1-3 September 2002), hh. 5-8 & Maier, H. M. J. (1988), *In the Center of Authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*, Ithaca: Cornell University Southeast Asia Program, hh. 61-69.

Berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap empat buah karya pengkajian Winstedt di atas, beliau telah membuat kesimpulan bahawa Islam yang diperkenalkan ke Tanah Melayu adalah berasal dari India Selatan berdasarkan kepada kajian beliau terhadap *Hikayat Raja Pasai* berdasarkan pewarnaan latar belakang India Selatan yang kuat di Pasai. Akan tetapi, Tatiana A. Denisova telah menolak pandangan tersebut, beliau menegaskan “*Hikayat Raja Pasai menafikan prasangka yang tersebar dalam kalangan orientalis Barat bahawa Islam datang kepada Alam Melayu dari India atau dari Iran dan Islam yang disebarkan di kawasan tersebut adalah Islam yang ditransformasi yang bukan serupa dengan “Islam Arab” atau Islam tulen*”.⁴⁹ Jelas dapat disimpulkan bahawa Winstedt mempunyai kelemahan dalam memahami struktur bahasa manuskrip Melayu lama yang mana menggunakan tulisan jawi ketika itu.

Selain itu, seperti yang telah diterangkan oleh pengkaji mengenai karya pengkajian Winstedt sebelum ini, beliau jelas menolak penggunaan mitos dalam pembuktian sesuatu peristiwa sejarah. Tetapi, Syed Muhammad Naquib al-Attas menolak hujah tersebut, dengan mengatakan walaupun maklumat mengenai mimpi Malik al-Saleh dalam *Hikayat Raja Pasai* berbentuk suatu mimpi yang ajaib, namun di dalamnya juga ada unsur-unsur yang betul dan benar serta kandungannya tidak menafikan kebenaran.⁵⁰ Bagi pengkaji, perbezaan ini berlaku disebabkan oleh hakikat perbezaan corak pemikiran masyarakat di sesuatu kawasan dan gaya hidup pada zaman masing-masing.

⁴⁹ Tatiana A. Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 26.

⁵⁰ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC, hh. 43-46.

Winstedt menganggap karya yang menggunakan unsur mitos sebagai tidak logik seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, di mana wujudnya watak Raja Bersiong, Geruda dan sebagainya. Berdasarkan pandangan tersebut, beliau telah membuat kesimpulan bahawa masyarakat Melayu berbeza pengetahuan iaitu lebih primitif berbanding masyarakat di Barat selaras dengan kehendak historiografi iaitu ketepatan berdasarkan pembuktian logik akal. H.M.J. Maier dalam situasi di atas, berpandangan “*Winstedt, on the other hand, was fully aware of reading a text and not reality, and when he tried interpret the world in term of the hikayat he had to draw the conclusion that Malay historiography was apparently operating from a distinct set of rules and regulations of knowledge that made it incommensurable with modern Western historiography, and also inferior*”.⁵¹

4.3 ANALISIS PANDANGAN R.O. WINSTEDT TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM DI TANAH MELAYU

Berdasarkan pembacaan pengkaji melalui karya-karya Winstedt di atas dan dibantu dengan karya-karya beliau yang lain, pengkaji dapat mengenal pasti beberapa pandangan beliau mengenai undang-undang Islam. Pengkaji tertarik dengan karya Winstedt yang bertajuk *The Malay; A Culture History*, di mana beliau membandingkan undang-undang Islam dengan undang-undang adat khususnya Minangkabau. Winstedt membandingkan dari segi pelaksanaan dan penerimaan masyarakat terhadap kedua-dua undang-undang tersebut pada masa itu. Penganalisaan ini adalah bertujuan untuk mengetahui adakah Winstedt begitu memahami selok-belok undang-undang Islam hingga melayakkan beliau berbicara mengenai perkara tersebut.

⁵¹ Maier, H. M. J. (1988), *In the Center of Authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa*, Ithaca: Cornell University Southeast Asia Program, h. 62.

Menurut pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas, undang-undang Islam adalah undang-undang yang paling adil dan memenuhi segala keperluan manusia. Tetapi undang-undang ini telah dicampuradukkan dengan undang-undang dan peraturan adat yang dibuat oleh manusia bagi tujuan menjaga kedudukan sesetengah golongan seperti bangsawan.⁵² Beliau menambah lagi, perkara ini amat jelas dilihat dalam undang-undang masyarakat Melayu. Winstedt dalam soal ini berhujah, perbincangan berkenaan Undang-undang 99 Perak yang dinisbahkan sebagai undang-undang Islam, beliau menerusi kajiannya di dalam karya yang bertajuk *A History of Classical Malay Literature* berpandangan undang-undang tersebut telah diadaptasi dan disesuaikan dengan keadaan tempatan apabila diterima menjadi undang-undang di Perak sekitar abad ke-17 dan 18.⁵³ Manakala, Abdul Kadir Muhammad mengatakan bahawa unsur-unsur Islam memang jelas kelihatan dalam undang-undang ini akan tetapi untuk mengatakan ia merupakan perundangan Islam masih boleh dipertikaikan.⁵⁴ Beliau juga berhujah Undang-undang 99 Perak merupakan perundangan Islam bertulis yang ketiga ditemui di Malaysia.⁵⁵

Tokoh-tokoh akademik seperti Syed Hussein Alatas dan Muhammad Salleh mengatakan Islam yang disebarkan ke Tanah Melayu dibawa dari Tanah Arab.⁵⁶ Tetapi berbeza pula dengan pandangan dari pihak penjajah Barat di mana mereka lebih bersetuju

⁵² Sila rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ISTAC, hh. 32-41. Selain itu, lihat juga Ahmad Jelani Halimi (2007), "Pengaruh Islam Terhadap Perundangan Melayu: Tumpuan Kepada Undang-undang 99 Perak", dalam Farid Mat Zain (ed.), *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, h. 71.

⁵³ Winstedt, R.O. (1969), *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 170.

⁵⁴ Lihat Abdul Kadir Muhammad (1996), *Sejarah Pengkajian Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Sila rujuk Syed Hussein Alatas (1977), *The Myth of the Lazy Native*, London: Frank Cass & Muhammad Salleh (1942), *Menyeberangi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

bahawa Islam datang dari India berdasarkan bukti yang telah pengkaji huraikan sebelum ini. Hasil pembacaan pengkaji di dalam sebuah karya bertajuk *Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula During the Colonial Era and Some Continuities* oleh Noor Aisha Abdul Rahman, pengkaji bersetuju dengan hujah beliau, di mana beliau berhujah kajian-kajian yang dilakukan oleh orientalis Barat ke atas Tanah Melayu seperti R.O. Winstedt, R.J. Wilkinson, Frank Swettenham dan sebagainya sebagai “...critically examines and reveals their misconceptions inadequacies”.⁵⁷

Berdasarkan pandangan Winstedt di dalam karya beliau iaitu *The Malays: A Culture History*, beliau berhujah bahawa Undang-undang Adat Perpatih dan Adat Temenggong adalah dua jenis undang-undang yang berbeza di Tanah Melayu.⁵⁸ Beliau berpandangan Undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh Islam dan Hindu. Manakala, Undang-undang Adat Perpatih pula telah dikategorikan sebagai undang-undang asal di Tanah Melayu tanpa mempunyai kedua-dua pengaruh tersebut. Dari sudut ini, pengkaji berpandangan bahawa Winstedt menganggap undang-undang Melayu sebagai mundur dan tidak mencukupi dalam menangani isu-isu semasa.⁵⁹ Malah, beliau melihat kedatangan Islam sebagai halangan utama kepada kemajuan undang-undang Melayu terutamanya yang berkaitan dengan adat.

⁵⁷ Noor Aisha Abdul Rahman (2006), *Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some continuities*, United States: Brill Academic Publishers, h. 50.

⁵⁸ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h.

⁵⁹ Winstedt, R.O. (1988), *Op.cit*, hh. 241-242.

Berpandukan kepada pembacaan karya di atas, ianya memperkukuhkan pemahaman pengkaji kenapa pihak orientalis termasuk Winstedt beranggapan kedatangan Islam sebagai halangan utama dan tidak sesuai diamalkan di Tanah Melayu. Bagi memperjelaskan lagi hujah di atas, pengkaji memberikan pandangan dari Chee Yunk Yan. Beliau mengatakan *“They perceived Islam and Malay adat laws as irreconcilable and conflicting because Islamic laws originated from a different social context, so it could not practically serve the needs of the Malays”*.⁶⁰ Beliau turut menambah *“The colonial writers judged Islamic laws as static and arbitrary and that is has a negative impact upon the traditional Malay laws”*.⁶¹

Pandangan yang diberikan oleh Chee Yunk Yan ini jelas menunjukkan kesedaran berkaitan salah tanggapan berkenaan undang-undang Islam di Tanah Melayu oleh pihak Barat memberikan tanda positif kepada bangsa lain selain bangsa Melayu. Pandangan beliau ini merupakan hasil kajian beliau terhadap karya yang ditulis oleh Noor Aisha Abdul Rahman. Kesedaran ini menjadi bukti bagaimana penilaian pihak Barat dalam menilai sesuatu perkara berkaitan Islam mempunyai unsur berat sebelah dan terpengaruh dengan pendekatan kajian orientalis klasik yang jelas sangat memusuhi Islam.

Pengkaji telah membuat perbandingan maklumat yang terdapat dalam bab dua iaitu pendekatan kajian orientalis terhadap Islam dengan penilaian berat sebelah di Tanah Melayu, jelas bagi menghadkan pengaruh undang-undang Islam pihak penjajah telah meletakkan peranan agama Islam sekadar dalam hal-hal yang berkaitan urusan

⁶⁰ Chee Yunk Yan (2009), “Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some continuities by Noor Aisha Abdul Rahman” dalam *New Era College Academic Journal*, v. 6, h. 140.

⁶¹ *Ibid.*

perkahwinan sahaja. Perancangan ini jelas bermula selepas termeterainya Perjanjian Pangkor 1874, apabila mereka campur tangan dalam soal perlantikan ketua kadi dan para pembantunya serta bertindak menghadkan kuasa kadi.⁶² Hasil temubual pengkaji bersama Adnan Nawang, dalam soal ini beliau menegaskan Perjanjian Pangkor 1874 merupakan muslihat terbesar dari pihak penjajah selain ingin memiliki tanah jajahan, mereka juga ingin mengurangkan pengaruh Islam dan seterusnya menyebarkan fahaman yang boleh merosakkan pemikiran masyarakat Islam.⁶³

Pengkaji dalam menganalisa pandangan Winstedt terhadap undang-undang Islam, telah membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu hal-hal yang berkaitan perkahwinan, jenayah dan perwarisan seperti harta dan tanah. Pembahagian ini dibuat bagi mengetahui perbandingan yang dilakukan oleh Winstedt di dalam karya beliau seperti *The Malays: A Culture History* berkenaan undang-undang Islam dan undang-undang Adat.

4.3.1 Pandangan Winstedt Berkenaan Hal-hal Berkaitan Perwarisan

Winstedt dalam menjawab persoalan berkaitan undang-undang Adat Perpatih, jelas mengetepikan pengaruh undang-undang Islam dalam pembahagian harta dalam sesebuah keluarga. Winstedt lebih berpegang kepada konsep “*wife’s relations*” yang mengangkat kedudukan wanita dalam mewarisi harta pusaka.⁶⁴ Konsepnya ialah mengutamakan wanita berbanding lelaki dalam sesuatu penyelesaian mengikut undang-undang Adat Perpatih. Beliau mengatakan “*Yet if criminal law in Negri Sembilan became British, the law of*

⁶² Winstedt, R.O. (1934), *Op.cit*, h. 73.

⁶³ Adnan Nawang, Prof. Dr. di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Temubual pada 11 November 2011.

⁶⁴ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 82.

*property remained matrilineal, and hardly affected even by the Muslim canon. Ancestral property (harta pusaka) devolves from mothers to daughters or to their direct female descendants”.*⁶⁵ R.J. Wilkinson turut bersetuju di mana beliau berpandangan, di negeri Perak dan Pahang perwarisan harta diberikan kepada kaum lelaki tetapi pembahagian dan perwarisan tanah menunjukkan kesan-kesan hukum adat yang mengutamakan kaum wanita.⁶⁶

Berdasarkan pandangan Winstedt di atas, jelas menunjukkan beliau bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang Adat Perpatih berbanding undang-undang Islam. Pengkaji bersetuju dengan pandangan Chee Nyuk Yan, apabila beliau menyatakan “*In dealing with the issues of Islam and its relationship with Malay adat laws, the colonial writers subscribed to the view that Islam contradicts the Malay adat laws, because the Islamic laws are woven into Arabian or Middle Eastern practices which are different from the Malay cultural context*”.⁶⁷ Hasil penelitian pengkaji, dapat dirungkaikan bahawa Winstedt menerusi pandangan ini beliau mengakui kebenaran peraturan berkaitan pengurusan harta menurut Islam, tetapi beliau seperti biasa lebih bersetuju kepada peraturan yang menggunakan akal walaupun menggunakan perbandingan di dalam pandangan beliau.

Menerusi karya beliau iaitu *The Malays: A Cultural History*, Winstedt melakukan perbandingan undang-undang Islam dan undang-undang Adat Perpatih ke atas permasalahan di atas.⁶⁸ Berdasarkan ajaran Islam, permasalahan ini diletakkan dalam

⁶⁵ *Ibid*, h. 95.

⁶⁶ Wilkinson, R.J. (1922), *Op.cit*, h. 37.

⁶⁷ Chee Nyuk Yan (2009), *Op.cit*, h. 141.

⁶⁸ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, hh. 92-99.

undang-undang perwarisan Islam (*faraid*) dan segala peraturan yang terkandung di dalamnya adalah lengkap, adil dan menjamin kemaslahatan bersama berbanding peraturan lain. Selain itu, pengkaji juga berpendapat pihak penjajah melihat bangsa Melayu sangat berpegang kepada adat walaupun sudah memeluk agama Islam dan yang paling penting adalah ianya bersumberkan dari akal yang begitu diagungkan oleh mereka.

Sebagai ganti kepada undang-undang Islam ini, Winstedt memberikan beberapa pandangan yang dilihat cukup menguntungkan pihak penjajah. Beliau berpandangan “*It cannot be claimed that the British administered the matrilineal law of succession to property in an informed manner or framed appropriate legislation to carry it into effect. A basic error was the failure to recognize that the law follows not the land but the person. Collectors transferred from other states were swayed by a bias towards the Muslim law of succession, with which they were already acquainted, in preference to the intricacies of a matrilineal law of which they were ignorant. Judges failed to distinguish between the various classes of personal property or, contemptuous of the unwritten, based erroneous decisions on such European anachronisms as the entry of the word “Customary” on a title*”.⁶⁹

Berpandukan pandangan Winstedt di atas dan ditambah dengan pembacaan pengkaji menerusi karya-karya orientalis yang lain seperti *Memorandum on the Introduction of a Land Code in the Native States in the Malay Peninsula*⁷⁰ dan *Legal*

⁶⁹ *Ibid*, h. 99.

⁷⁰ Maxwell, W.E. (1894), *Memorandum on the Introduction of a Land Code in the Native States in the Malay Peninsula*, Singapore: Government Printers.

Pluralism: An Introduction to Colonial and Neo-Colonial Laws,⁷¹ dapat difahami bahawa undang-undang tanah versi Barat ini menghendaki tuan-tuan tanah mendaftarkan pemilikan mereka di Pejabat Tanah, dan mengadakan peraturan memindahkan tanah kepada waris pemilik tanah yang telah mati, tanpa menunjukkan apakah undang-undang perwarisan tanah yang dikuatkuasakan. Dengan andaian bahawa cara penyelesaian terletak pada hukum adat Melayu, maka Pemungut Hasil Tanah menggunakan hukum adat dalam perkara-perkara seperti itu, tetapi ini hanyalah tipu helah dari pihak British untuk membaratkan undang-undang adat dari undang-undang Islam, malah bukan itu sahaja mereka juga cuba untuk membaratkan pemikiran masyarakat Melayu dengan menanamkan perasaan kagum kepada undang-undang Barat.⁷² Winstedt dalam soal ini menjelaskan, “...while a new Ruler or a neighbouring chief would prefer some harsh provision of Hindu or Muslim law. Under the British, justice, though often harsh, became everywhere uniform and always honest”.⁷³

Bagi menambah pemahaman berkaitan isu ini, pengkaji merujuk sebuah karya dari Winstedt iaitu *Kedah Laws*. Pengkaji mendapati banyak masalah yang timbul hasil dari campur tangan pihak British berkaitan isu penyelesaian hak perwarisan tanah, mereka merasakan sekiranya masyarakat Melayu inginkan penyelesaian yang berbentuk manfaat bersama, pihak British mencadangkan isu pemegangan tanah perlu diselesaikan melalui undang-undang tanah versi Barat.⁷⁴ Di daerah-daerah yang mengamalkan adat perpatih di Negeri Sembilan, perkara ini bertambah rumit akibat penggubalan Enakmen Pemegangan

⁷¹ Hooker, M.B. (1975), *Legal Pluralism: An Introduction to Colonial and Neo-Colonial Laws*, London: Clarendon.

⁷² Lihat Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones (2005), *Op.cit.*, hh. 14-15

⁷³ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit.*, h. 81.

⁷⁴ Winstedt, R.O. (1928), “Kedah Laws”, dalam *JMBRAS*, v. 2, hh. 1-44.

Tanah Adat 1909 yang bertujuan untuk menyekat urusan niaga berhubung dengan tanah pusaka, yang membezakan di antara tanah adat dengan tanah bukan adat.⁷⁵ Pada tahun 1948, Hakim Mahkamah Tinggi iaitu E.N. Taylor menggunakan pernyataan di atas dalam membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan perebutan tanah. Penyelesaian kepada masalah di atas, pihak British mencadangkan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu di semua negeri bertujuan untuk menolong Sultan dalam semua perkara berkenaan dengan agama Islam dan adat Melayu.⁷⁶ Bagi pengkaji, semua cadangan ini hanyalah cubaan untuk mengaburikan pandangan masyarakat Islam dari segi pemahaman sebenar mengenai undang-undang Islam dan mengangkat kedudukan pihak penjajah sebagai penyelamat kepada ketamadunan di Tanah Melayu.

Hasilnya, pengkaji mengenal pasti bahawa Winstedt kurang memahami setiap kandungan undang-undang Islam berkaitan permasalahan di atas. Beliau juga mengatakan memahami selok- belok perwatakan masyarakat Melayu, tetapi boleh dipertikaikannya. Berdasarkan analisis pengkaji, apa yang dimaksudkan pemberian harta pusaka kepada wanita dalam Adat Perpatih merupakan pemberian tanah adat. Tanah adat ini adalah tanah yang turun temurun daripada nenek moyang sesuatu keluarga. Berkenaan perwarisan harta pula, jika seseorang ingin memelihara Adat Perpatih tetapi dalam masa yang sama tetap ingin berpegang teguh dengan undang-undang perwarisan Islam (*faraid*), maka tindakan yang seharusnya dilakukan ialah si ibu hendaklah menghibahkan keseluruhan harta adatnya kepada anak perempuannya sebelum beliau meninggal dunia. Tindakan ini secara tidak langsung membolehkan Adat Perpatih tetap terpelihara dan pada masa yang sama, tindakan ini tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Harta adat itu tadi tidak lagi dikira

⁷⁵ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, hh. 91-99.

⁷⁶ Taylor, E.N. (1937), *Malay Family Law*, dalam *JMBRAS*, V.15 (1), hh. 1-78

sebagai harta pusaka kerana ia telah pun dihibahkan kepada anak perempuan dan telah menjadi hak milik mutlak kepadanya. Tetapi sekiranya harta tersebut tidak dihibahkan sebelum si ibu meninggal dunia, harta itu akan menjadi harta pusaka dan akan dibahagikan mengikut undang-undang perwarisan Islam (*faraid*).

4.3.2 Pandangan Winstedt Berkenaan Hal-hal Berkaitan Jenayah

Hasil analisis pengkaji berdasarkan empat buah karya pilihan Winstedt seperti yang sudah diterangkan sebelum ini, pengkaji melihat karya bertajuk *The Malays: A Culture History* mengandungi apa yang ingin dikaji. Winstedt dalam memberikan pandangan peribadi berkenaan undang-undang Islam dalam hal-hal yang berkaitan jenayah, pengkaji mendapati beliau banyak membandingkan undang-undang Adat Temenggong dengan Undang-undang 99 Perak. Bagi pengkaji pemilihan Undang-undang 99 Perak oleh Winstedt ini kerana dilihat undang-undang tersebut telah diadaptasi dan disesuaikan dengan keadaan tempatan apabila diterima menjadi undang-undang di Perak sekitar abad ke-17 dan 18.⁷⁷

Hubung kait di antara kedua-dua undang-undang di atas adalah undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh Islam dan Hindu, manakala Undang-undang 99 Perak pula telah disesuaikan dengan keadaan tempatan yang dinisbahkan sebagai undang-undang Islam. Winstedt dalam soal ini berpandangan “*There are digests, containing traces of Malay indigenous patriarchal law, but mixed with relics of Hindu law and overlaid with*

⁷⁷ Winstedt, R.O. (1969), *Op.cit*, h. 170.

*Muslim law. This patriarchal law is called Adat Temenggong or law of the Minister for war and police”.*⁷⁸

Isi pengkajiannya adalah situasi yang berkaitan dengan jenis hukuman yang akan dikenakan ke atas pesalah jenayah di mana selain dikenakan hukuman yang terdapat dalam undang-undang Islam, ianya juga diselitkan hukuman yang berunsurkan denda ataupun bayaran bagi menebus setiap kesalahan tersebut. Wintedt dalam permasalahan ini melahirkan dua pandangan yang berbeza. Pandangan pertama, beliau menerangkan hukuman bagi kesalahan mencuri iaitu *“As a rule, it gives the Muslim penalties for crime. Keeping close to Sunni law-books, it exempts the thief of a small sum from amputation. Under the law of Shafi`i. homicide accompanied by robbery was punishable by death, and the corpse was to be exposed on a cross for three days; the Pahang supplement substitutes for crucifixion the ancient punishment of impaling, borrowed by the Malays from the Hindu as a punishment for robbery, and lays it down that the malefactor the impaled for three days”.*⁷⁹ Beliau menjelaskan di dalamnya terdapat ciri-ciri perundangan yang mempunyai pengaruh Islam dan Hindu. Kesan yang terpaksa dihadapi hasil pengaruh tersebut bagi pengkaji ialah kefahaman masyarakat Melayu terhadap perundangan Islam itu sendiri tidak kukuh. Masyarakat Melayu akan menghadapi kesukaran untuk menilai manakah perundangan Islam yang tulen dan sesuai untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul.

Manakala, pandangan kedua pula Winstedt merujuk Undang-undang 99 Perak yang diakui sendiri oleh Abdul Kadir Muhammad sebagai sebuah sistem perundangan Islam

⁷⁸ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 91.

⁷⁹ *Ibid*, h. 102.

yang boleh dipertikaikan ketulenannya.⁸⁰ Winstedt berdasarkan undang-undang tersebut, mengatakan bahawa *“The Muslim guilty of homicide was to pay a fine and to provide a buffalo or a white goat or a white camel for the funeral feast. Even an infidel was not to be put to death for homicide”*.⁸¹ Kadar bayaran yang dikenakan bagi setiap kesalahan yang dilakukan adalah berbeza mengikut tahap kecederaan yang didatangkan oleh pesalah terbabit. Sebagai contoh, Winstedt mengatakan *“As for wounding, if the hurt were above the navel, blood money of \$25 was to be paid; if below the navel, \$5, and if there were only slight bleeding, an offering of white cloth sufficed. Whatever crime a man committed, these Sayid Justiciars held that, provided he could pay the proper fine, his sins should be pardoned in this world”*.⁸²

Pengkaji bersetuju dengan pendekatan Ahmad Jelani Halimi dalam menolak pandangan di atas, beliau berhujah walaupun beberapa kesalahan yang dilakukan itu tergolong dalam jenayah syariah akan tetapi hukumannya tidak berlandaskan hukuman Islam. Sebagai contoh, dalam Fasal Pertama Undang-undang 99 Perak tentang kesalahan mencuri; apabila dihadapkan ke mahkamah, jika kesalahan pertama hakim boleh menyuruh pesalah itu menggantikan barang tersebut, kalau kesalahan kedua pesalah hanya dikenakan hukuman potong jari dan kesalahan ketiga dibuang daerah.⁸³ Bagi pengkaji, hukuman sebegini pastinya tidak selari dengan undang-undang Islam. Malah, di dalamnya tidak terdapat peruntukan tentang saksi yang merupakan unsur penting dalam pengadilan syariah.

⁸⁰ Abdul Kadir Muhammad (1996), *Op.cit*, h. 21.

⁸¹ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 103.

⁸² *Ibid.*

⁸³ Ahmad Jelani Halimi (2007), *Op.cit*, h. 75.

Apabila pengkaji merujuk karya J. Rigby, terdapat persamaan di antara beliau dengan kajian Winstedt. Pengkaji mendapati Winstedt menjadikan karya dari J. Rigby yang mengkaji Undang-undang 99 Perak sebagai rujukan dalam kajiannya. Menurut J. Rigby, dalam kes jenayah bunuh sesama orang Islam, pembunuh itu tidak boleh dikenakan hukuman bunuh. Hakim hanya akan mendendanya lima tahlil emas dan dikenakan membuat kenduri menyembelih seekor kerbau atau kambing putih ataupun unta putih.⁸⁴ Jelas di sini bagi pengkaji, kelihatan wujud persamaan penerangan bagi kedua-dua pengkaji tersebut.

Berbeza pula hukumannya jika orang bukan Islam membunuh orang Islam. Menurut J. Rigby, orang bukan Islam itu tidak boleh dikenakan hukuman bunuh balas. Akan tetapi, sekiranya pembunuh itu beragama Islam dan yang dibunuh itu bukan Islam, pembunuh tersebut akan dikenakan hukuman bunuh. Namun, sekiranya pembunuh tersebut mampu membayar pampasan sebanyak sepuluh tahlil emas kepada keluarga si mati individu tersebut akan dilepaskan.⁸⁵

Bagi pengkaji segala pandangan dari kedua-dua pengkaji di atas jelas menunjukkan mereka tidak begitu memahami kandungan sebenar undang-undang Islam. Kedua-duanya dengan yakin berpegang kepada pandangan di mana undang-undang Islam tidak sesuai untuk dipraktikkan di sini melainkan ia perlu diperadatkan mengikut keadaan sesuatu kawasan. Pandangan yang sebegini akan menjadikan sesuatu perundangan itu senang untuk dipertikaikan keauthoritiannya, dipandang remeh dan dianggap sebagai suatu bebanan

⁸⁴ Rigby, J. (1908), "The Ninety-nine Laws of Perak" dalam Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subjects*, v. 1, Kuala Lumpur: Government of the Federated Malay State, h. 7.

⁸⁵ *Ibid*, h. 57.

kepada masyarakat yang begitu berpegang teguh dengan adat, untuk mengetepikan adat dan mengutamakan undang-undang Islam.

Winstedt turut mengangkat kedudukan undang-undang adat berbanding undang-undang Islam berkaitan peruntukan tentang hukum hudud. Beliau telah membuat perbandingan di antara kedua-dua undang-undang tersebut, dengan mengatakan *“Those taken in adultery might be stoned to death under Muhammadan Law. But over the relation of the sexes the adoption of that law was as gradual as in order fields of jurisprudence. Brutal as many of the penalties in the Malacca digest are, its mediaeval customary law was more lenient towards sexual offences than contemporary Muslim practice”*.⁸⁶ Menerusi pandangan ini, beliau jelas melabelkan undang-undang adat sebagai tidak zalim dan lebih memenuhi kehendak masyarakat. Buktinya dapat dilihat dengan ungkapan beliau iaitu *“was more lenient”* berdasarkan pandangan di atas tadi. Tetapi, bagi pengkaji apa yang diperkatakan oleh Winstedt ini hanyalah sekadar untuk memperkecilkan pengaruh dan ketidakmampuan undang-undang Islam dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Tanah Melayu. Menurut Hashim Musa, matlamat utama pihak Barat mengeluarkan pandangan sebegini adalah untuk memisahkan para penganut agama Islam dari asas-asas agama dan juga bertujuan untuk menjadikan agama itu tidak berperanan besar dalam kehidupan mereka.⁸⁷

Orientalis selain Winstedt seperti R.J. Wilkinson turut bersependapat dalam hal ini. Beliau menjelaskan *“Tidak boleh diragukan lagi bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Tanah Melayu sekiranya undang-undang British tidak masuk dan*

⁸⁶ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 105.

⁸⁷ Hashim Musa (2001), *Op.cit*, h. 3.

menahannya”.⁸⁸ Di bahagian awal sudah dibincangkan mengenai petikan tersebut. Tetapi, bagi pengkaji kedua-dua orientalis tersebut masing-masing mempunyai konsep pemikiran yang sama iaitu cubaan menyingkirkan pengaruh undang-undang Islam dari sistem kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Jelas mereka mengetahui kebenaran dan kekuatan undang-undang tersebut tetapi demi pemikiran sekularisme yang didokong oleh mereka, pihak ini mengambil langkah “tidak mengendahkan” kebenaran tersebut.

Tambahan dari pandangan Winstedt di atas, pengkaji mendapati setiap kesalahan yang dilakukan oleh pesalah mengandungi unsur denda yang melibatkan penggunaan wang. Menerusi situasi ini, beliau mengatakan “*According to the 18th century Ninety-Nine Laws of Perak, the seducer of a betrothed girl was merely fined and married off, that is, if he could pay the fine and provide double the dowry (half of it for the jilted suitor), though if the seducer could not pay, he was not to be married but banished, beaten and plundered; and if fines were not paid, the woman was to have her head shaved and be pilloried at the door of the mosque*”.⁸⁹ Ciri-ciri hukuman di atas dilihat lebih mengutamakan penggunaan adat dalam menghukum pesalah jenayah berbanding undang-undang Islam. Pengkaji mengakui di dalamnya mempunyai ciri-ciri perundangan Islam tetapi ianya telah diperadatkan, sesuai dengan keadaan dan penerimaan masyarakat di sesuatu tempat.

Hasil penelitian pengkaji, hukuman seperti di atas dilihat mengandungi kepentingan peribadi kerana didapati hukuman tersebut cuba melindungi seseorang yang memiliki pangkat (bangsawan) mahupun wang. Hukuman seperti memukul dilihat lebih kejam ke atas wanita yang berlawanan dengan apa yang diterapkan dalam ajaran Islam. Pengkaji

⁸⁸ Wilkinson, R.J. (1922), *Op.cit*, hh. 37-38.

⁸⁹ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 105.

bersependapat dengan Ahmad Jelani Halimi dalam hal ini. Beliau menegaskan hukum-hukum yang terdapat dalam Undang-undang 99 Perak tidak mengikut peraturan syariah tulen dan mempunyai alternatif dengan undang-undang adat Melayu. Malah, peraturan ini juga dibuat bagi menjaga kedudukan golongan elit.⁹⁰

Jenis kesalahan lain yang melibatkan hukuman denda ialah zina. Walaupun ia telah dikategorikan sebagai kesalahan hudud, di Tanah Melayu hukuman tersebut turut diperadatkan dan jenis hukuman juga ditukar mengikut kesesuaian seperti di atas sehingga tidak menyerupai hukuman asal. Winstedt berhujah "*In the Malacca digest it is stated that by customary law, if a man killed anyone making overtures to his wife or daughter, he was merely fined, and if a man raped a slave-girl, he had only to marry her or be fined, whereas Shafi`ite law would admittedly sentence him to death by lapidation*".⁹¹ Melalui hujah di atas, dapat difahami bagaimana tanggapan beliau terhadap penghukuman ke atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh pesalah. Malah, wujud di sini juga prasangka yang bersifat berat sebelah dalam menilai keadilan sesuatu peruntukan undang-undang. Seterusnya, beliau berhujah "*According to the Ninety-Nine Laws of Perak, if a husband killed his wife's seducer not outright but after delay, he was merely fined. The same laws allowed a couple guilty of illicit intercourse to marry or settle the matter between themselves*".⁹²

Pandangan kedua Winstedt di atas jelas menunjukkan di mana kedudukan sebenar undang-undang Islam dalam mengadili kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Jelas dari kajian J. Rigby, beliau mengatakan pesalah zina perlu dinikahkan sahaja. Malah, kalau

⁹⁰ Ahmad Jelani Halimi (2007), *Op.cit*, h. 75.

⁹¹ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 105.

⁹² *Ibid*, h. 106.

penzina itu dari golongan bangsawan dia akan terlepas dari dikenakan hukuman tersebut.⁹³

Dalam fasal 50 dari Undang-undang 99 Perak dinyatakan:

“Undang-undang orang berzina dengan sa-orang perempuan sudah sampai aduan kepada penghulu mukim itu, apa hukum-nya? Maka sembah Menteri, “Jika mengaku antara kedua-nya boleh-lah di-nikahkan dan kena denda se-paha emas; jika penghulu mukim itu tiada-lah, salah, salah boleh muafakat”.

Di sini dapat dilihat bahawa perkara berkaitan zina dan yang berkaitan dengannya tidak dihukum mengikut peruntukan hukum Islam sepenuhnya dan masih terdapat unsur pilih kasih dan berat sebelah walaupun disebut “hukum negeri Islam”. Pengkaji dalam soal ini merujuk kajian yang dibuat oleh Liaw Yock Fang. Menurut beliau, dalam kes zina hanya Hukum Kanun Melaka yang diketahui benar-benar mengikut peruntukan undang-undang Islam.⁹⁴ Tinjauan dari kajian di atas juga, pengkaji mendapati undang-undang Islam yang mempunyai peruntukan hukum hudud jelas dinyatakan dalam Hukum Kanun Melaka, Kanun Pahang dan Undang-undang Kedah, cuma kekurangannya hanyalah undang-undang itu kadang-kala mempunyai pilihan dengan undang-undang adat.⁹⁵

Seterusnya pengkaji menemui satu pandangan dari Winstedt berkenaan hukuman denda berbentuk wang mahupun emas yang dilaksanakan di Tanah Melayu. Beliau mengatakan *“For not only was suppression of crime the main object of law in a port kingdom but fines were a profitable source of income to rulers and chiefs”*.⁹⁶ Berdasarkan pandangan di atas jelas kelihatan undang-undang tersebut mempunyai unsur materialistik. Emas dan harta dunia menjadi tuntutan dan boleh menebus semua kesalahan yang

⁹³ Rigby, J. (1908), *Op.cit*, h. 58.

⁹⁴ Liaw Yock Fang (1976), *Undang-undang Melaka*, The Hague: Martinus Nijhoff, h. 159-160.

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 108.

dilakukan walau seberat mana kesalahan tersebut. Bagi pengkaji, sekiranya kita mempunyai harta, segala masalah boleh diselesaikan dengan mudah walaupun hukuman yang dikenakan itu tidak adil dan menzalimi orang tidak mempunyai harta seperti orang miskin dan hamba. Tambahan pula, Wintedt juga menegaskan bahawa jenis denda adalah berbeza di antara undang-undang adat dan Islam. Perbezaan ini boleh dilihat dengan dua pandangan beliau iaitu pertama “*Generally the customary penalties are very different from those of Islamic law*”⁹⁷ dan kedua “*Where Muslim law would demand a life for a life, Malay law considers the interest of the slave-owner*”.⁹⁸

Dua pandangan di atas adalah susulan dari perbezaan jenis hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah. Pandangan yang kedua melibatkan jenis kesalahan seperti bunuh. Jadi kesalahannya adalah dibalas dengan nyawa. Pada pandangan orientalis, hukuman sebegini sudah tidak relevan di masa sekarang. Golongan ini mengangkat kedudukan adat kerana memiliki kepentingan peribadi iaitu pada masa yang sama selain menjatuhkan hukuman, seseorang itu boleh mengaut keuntungan dengan memberikan denda sekiranya ingin mengelak daripada dikenakan hukuman seperti penjara mahupun disebat.⁹⁹ Bagi yang mampu membayarnya akan terlepas dari hukuman tersebut. Tetapi, bagi yang tidak mampu mereka terpaksa menerima hukuman tersebut walaupun ianya tidak adil dan zalim.

Sebagai rumusan kepada penjelasan dalam bahagian ini, pengkaji memetik pandangan dari R.J. Wilkinson yang memberikan pendapat berkenaan kesan pengaruh

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ Rigby, J. (1908), *Op.cit*, hh. 83-84.

undang-undang Islam ke atas kehidupan masyarakat di Tanah Melayu merangkumi hal seperti perkahwinan, jenayah dan sebagainya. Adakah ia betul-betul memberikan kesan yang mendalam ke atas masyarakat Melayu atau sekadar dijadikan sebagai undang-undang tambahan untuk dimasukkan ke dalam undang-undang adat. Beliau mengatakan *“Notwithstanding the influence of Muslim law in Malaya, it had not supplanted the local adat in its entirety. It was accepted in the religious matters, in family law and the law of succession, but in order matters the adat prevailed with only some Muslim additions incorporated in it in the course of centuries”*.¹⁰⁰ Penjelasan dari R.J. Wilkinson ini menjadi bukti betapa undang-undang Islam di pandangan orientalis tidak memberi pengaruh yang kuat ke atas keseluruhan kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Tetapi, pandangan tersebut ditolak oleh Noor Aisha Abdul Rahman. Beliau mengatakan *“Peletz contends that the coming of Islam did not displace the adat in the consciousness of the Malay but led to a selective syncretisation, which effectively linked the adat and Islam in such a manner as to preserve the entire realm of adat”*.¹⁰¹ Beliau berhujah berdasarkan kajian terhadap karya Michael G. Peletz iaitu *Social History and Evolution in the Relationship of Adat and Islam in Rembau Negeri Sembilan*.¹⁰²

Pandangan dari Noor Aisha Abdul Rahman ini menjadi bukti yang kukuh untuk menolak hujah dari Winstedt dan orientalis yang lain. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bagi pengkaji, tidak menghilangkan terus pengaruh adat dari kehidupan masyarakat Melayu. Malah kedatangan tersebut dilihat dari sudut positif sebagai *“led to a selective syncretisation”* iaitu mana-mana adat yang dianggap sesuai dan tidak bercanggah dengan

¹⁰⁰ Wilkinson, R.J. (1922), *Op.cit*, h. 48.

¹⁰¹ Noor Aisha Abdul Rahman (2006), *Op.cit*, h. 113.

¹⁰² Michael G. Peletz (1981), *Social History and Evolution in the Relationship of Adat and Islam in Rembau Negeri Sembilan*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Islam akan dikekalkan dan dilakukan seperti biasa. Bercanggah dengan pandangan Winstedt yang beranggapan undang-undang Islam dan adat tidak boleh dilaksanakan bersama kerana undang-undang Islam pada tanggapan orientalis kandungannya tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal.¹⁰³

4.3.3 Pandangan Winstedt Berkenaan Hal-hal Berkaitan Perkahwinan

Di awal bahagian ini, pengkaji akan memberikan terlebih dahulu pandangan Winstedt terhadap undang-undang Islam berkaitan perkahwinan. Apa yang ingin ditunjukkan oleh pengkaji adalah bagaimana beliau memperlekehkan undang-undang perkahwinan Islam dan kedudukan wanita sebagai *“At any rate, it is clear that among the Malays women can hardly be described as an inferior sex, although immemorial superstition makes it rare for the unsophisticated to feed with their male folk, and Muhammadan law is less kind to them over divorce and inheritance than native custom”*.¹⁰⁴ Pandangan sebegitu sememangnya bersandarkan kepada sudut pandangan negatif tanpa melakukan sebarang penelitian jujur ke atas undang-undang Islam. Sejak kedatangan Islam kira-kira 1400 tahun yang lalu, kedudukan dan hak wanita telah diletakkan di tempat yang sewajarnya dan diberi tanggungjawab dan peranan yang sama, setaraf dengan lelaki dalam segala aspek kehidupan yang bersesuaian dengan fitrah kejadian wanita itu.¹⁰⁵

Bukti kepada ketinggian seseorang wanita itu, dalam undang-undang Islam wanita diberikan hak untuk memilih jodohnya, menggunakan nama sendiri yang diberikan oleh ibu

¹⁰³ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, hh. 91-118.

¹⁰⁴ *Ibid*, h. 49.

¹⁰⁵ `Ali `Abdul Ḥālīm Māḥmūd (t.t), *Al-Mār`ah al-Muṣlīmāh wa Fīqh al-Dā`wāh ilā Āllāh*, Mesir: Al-Mānṣūrāh, hh. 37-38.

babanya, mempunyai hak untuk memiliki dan menerima harta, berhak berpisah daripada suaminya melalui hakim atau kadi dan sebagainya.¹⁰⁶ Pandangan yang memperlekehkan ini jelas ditolak oleh Mahayudin Yahaya¹⁰⁷ dan Muhammad Hasbi Umar.¹⁰⁸ Manerusi karya Muhammad Hasbi Umar, beliau cuba memperbetulkan salah tanggapan yang menganggap wanita sebagai punca kepada segala keburukan yang timbul di dalam masyarakat dan pandangan yang menyatakan wanita adalah pelengkap kepada keinginan nafsu lelaki.

Soal dalam memperlekehkan undang-undang perkahwinan Islam bukan persoalan yang baru. Ianya sudah muncul semenjak termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 di Perak.¹⁰⁹ Winstedt telah menjadikan Tome Pires sebagai rujukan dalam mengeluarkan pandangan tersendiri berkenaan kedudukan wanita dalam perkahwinan. Beliau berhujah “*He observes the Muslim degrees of affinity, except in Negri Sembilan where Minangkabau custom forbids the marriage not only of the descendants of a common ancestress but even of brothers’ children*”.¹¹⁰ Undang-undang perkahwinan Islam memberikan garis panduan tentang pasangan yang boleh dikahwini dan golongan yang haram dikahwini.¹¹¹ Pengkaji

¹⁰⁶ *Ibid*, hh. 241-242.

¹⁰⁷ Mahayudin Yahaya (1984), *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 12-16.

¹⁰⁸ Muhammad Hasbi Umar (2002), “Paradigma Baru Teologi Perempuan” dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, j. 7, hh. 101-105.

¹⁰⁹ Sila lihat Winstedt, R.O. (1934), *Op.cit*, hh. 91-100.

¹¹⁰ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 46.

¹¹¹ Seperti yang diketahui umum Golongan yang haram dikahwini hukumnya terbahagi kepada dua, iaitu haram abadi dan haram sementara. Hukum haram abadi ada tiga kategori iaitu: i) Mereka yang ada pertalian darah seperti ayah, ibu dan anak ii) Pertalian kekeluargaan seperti anak tiri, mertua dan menantu iii) Pertalian penyusuan seperti ibu susuan dan saudara sesusu. Manakala hukum haram sementara pula ialah ipar, iaitu apabila pasangan meninggal, maka perkahwinan antara suami dengan ipar atau isteri dengan ipar dibolehkan; perempuan bukan Islam apabila dia memeluk Islam perkahwinan dibolehkan; dan perempuan dalam *iddah* apabila tamat tempohnya, maka dibolehkan berkahwin. Sila lihat Ali

dalam soal ini berpandangan, apa yang terkandung dalam undang-undang perkahwinan Islam sangat sempurna. Bagi yang bukan penganut agama Islam seperti orientalis, golongan seperti ini perlu melakukan kajian dengan telus dan tidak bersifat berat sebelah dalam menilai sesuatu perkara. Perbezaan di antara masyarakat beragama Islam dan yang bukan Islam adalah proses pembentukan sesuatu masyarakat Islam, ia didasarkan kepada ilmu tentang asas-asas ajaran Islam. Pada peringkat asasnya, undang-undang Islam merupakan garis panduan terpenting yang tidak akan hilang dimamah masa dan zaman. Perundangan tersebut akan kekal hingga Hari Kiamat. Inilah keistimewaan yang tidak dimiliki oleh masyarakat selain dari beragama Islam.

Berkenaan persoalan hukum tentang harta pusaka, pengkaji mendapati Winstedt tidak menggunakan penjelasan mengikut kaedah faraid dan pemahaman beliau terhadap konsep tersebut adalah kurang tepat. Pengkaji mendapati terdapat kekeliruan di situ kerana Winstedt menegaskan harta pusaka dikategorikan ke dalam undang-undang Adat Temenggong bukan dalam undang-undang Islam. Winstedt mengatakan "*The parental system is governed by what the Malays call "Temenggong custom"*".¹¹² Seperti yang sudah diterangkan sebelum ini, orientalis berhujah bahawa undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh dari Islam dan Hindu. Bertitik tolak dari situlah bermulanya kepada salah faham tersebut.

Lanjutan dari perkara di atas, Winstedt menegaskan "*And the Ninety-Nine Laws, just quoted, lay down that when a person dies "house and garden, crockery, kitchen*

Mohammad & Aizan Ali @ Mat zin (2006), "Ilmu dan Pembangunan Masyarakat Islam", dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu (TITAS)*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hh. 124-125.

¹¹² Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 48.

utensils and bedding are to be taken by the female children, iron tools or weapons, rice-fields and mines by the sons".¹¹³ Mengikut J. Rigby, harta pusaka itu akan dibahagikan kepada dua. Menerusi pandangan ini, anak perempuan akan mendapat harta yang akan memberi kemudahan dan kelebihan kepada mereka, begitu juga anak lelaki.¹¹⁴ Winstedt yang menjadikan J. Rigby sebagai rujukan, jelas mengetepikan penggunaan kaedah faraid dalam situasi di atas. Pemberian harta tersebut kepada kedua-dua anak lelaki dan perempuan ternyata berat sebelah, di mana perempuan dilebihkan berbanding lelaki. Selain daripada itu, menurut J. Rigby lagi persoalan mengenai hutang akan dibahagikan kepada dua iaitu satu pertiga kepada anak perempuan untuk ditanggungnya, dua pertiga kepada anak lelaki.¹¹⁵

Selain itu, terdapat juga perkara yang diharamkan oleh Islam tetapi dibenarkan dalam Undang-undang 99 Perak. Sebagai contoh pada Fasal 83 disebutkan:

*"Undang-undang orang sa-susu nikah, maka titah Raja Nasruan Adil: "Apa hukumnya?" Maka sembah menteri, "Kepada dunia boleh, akan tetapi kedua mereka itu punya emak bersalam-salaman mengampun anak-anaknya, jadi ampun; kerana di-dalam dunia ini emak dan bapa-nya, kedua raja yang jadi Sultan itu, ganti Tuhan".*¹¹⁶

Petikan di atas jelas menunjukkan emas dan harta dunia menjadi tuntutan dan boleh menebus semua kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Seperti situasi di atas, seorang lelaki dibenarkan bernikah dengan anak susuan isterinya jika dia sanggup membayar dengan emas dan perak. Golongan Sayyid dari Hadramaut yang bertanggungjawab memperkenalkan undang-undang ini menganggap bahawa emas dan harta adalah segala-

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Rigby, J. (1908), *Op.cit*, hh. 67-68.

¹¹⁵ *Ibid.*

¹¹⁶ *Ibid*, h. 83.

galanya di dunia ini. Mereka berpandangan tidak berguna Allah SWT mewujudkan emas dan mengurniakan sumber kekayaan jika tidak dimanfaatkan untuk memperoleh kesenangan termasuklah menebus segala kesalahan.¹¹⁷ Buktinya terdapat dalam Fasal 84, dinyatakan:

“Karna kegunaan emas di-turunkan Allah ka-dalam dunia ini barang siapa-siapa yang menaruh-nya boleh senang, boleh di-lepaskan-nya daripada apa-apa salah; jika tiada boleh tiada-lah berguna Allah turunkan ka-dalam dunia ini pada hanba-nya”.¹¹⁸

Bagi menguatkan hujah di atas, pengkaji merujuk sebuah karya yang bertajuk *Modernisation or Westernisation of Johor under Abu Bakar: A Historical Analysis* ditulis oleh A. Rahman Tang Abdullah. Beliau berhujah *“During Abu Bakar’s reign, all punishments for these offences were replaced by fines and imprisonment”*.¹¹⁹ Di sini wujud suatu bentuk penghukuman berbentuk denda yang diamalkan oleh Sultan Johor ketika itu yang terikut dengan pengaruh Barat yang secara terang-terangan menolak penghukuman mengikut undang-undang Islam. Ini menjadi bukti bahawa jenis-jenis hukuman yang berhubung kait dengan undang-undang Islam tidak begitu diamalkan dalam masyarakat Melayu di Johor. A. Rahman Tang Abdullah juga mengatakan *“Malay customary laws were dominant in Johor even before Abu Bakar’s ascendancy. In Johor, Malay customary punishment was practiced, not Islamic ones”*.¹²⁰

Pengkaji mendapati apa yang ingin diberitahu oleh pengkaji di atas adalah sebab kenapa penerapan undang-undang adat lebih dominan berbanding undang-undang Islam.

¹¹⁷ Ahmad Jelani Halimi (2007), *Op.cit*, h. 78.

¹¹⁸ Rigby, J. (1908), *Op.cit*, h. 83.

¹¹⁹ A. Rahman Tang Abdullah (2008), “Modernisation or Westernisation of Johor Under Abu Bakar: A Historical Analysis”, dalam *Intellectual Discourse*, v.16, no.2, h. 219.

¹²⁰ *Ibid*, h. 220.

Ini disebabkan majoriti penduduk yang menetap di Johor ketika itu berbangsa Cina. Menurut A. Rahman Tang Abdullah, *“This was because the revision was to accommodate the fact that most of the crime in Johor was committed by non-Muslims. The majority of the population in Johor in the nineteenth century was chinese”*.¹²¹ Namun demikian, penerapan tersebut tidak bermakna undang-undang Islam tidak dipraktikkan lagi di Johor. Ia telah dikecilkan skopnya oleh pihak penjajah dengan meletakkan peruntukan undang-undang tersebut hanya dalam soal berkaitan perkahwinan, sembahyang, zakat dan puasa sahaja.

Walaupun begitu, apa yang berlaku di Johor pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar dan sewaktu tempoh perkhidmatan Winstedt di Tanah Melayu, pengkaji mendapati kedua-duanya menunjukkan hasil yang sama. Golongan ini jelas mempunyai perancangan tersendiri terhadap undang-undang Islam. Mereka menggunakan alasan masyarakat Melayu sangat berpegang kepada adat untuk memisahkan mereka dari pengaruh undang-undang Islam. Pengkaji bersetuju dengan pandangan A. Rahman Tang Abdullah, apabila beliau mengatakan *“The adoption of western ideas to replace the Islamic Shari’ah ruling in crime (hudud) should be considered a pragmatic measure”*.¹²² Ternyata setiap tindakan yang diambil oleh pihak penjajah mempunyai muslihat tersendiri bagi mengurangkan pengaruh undang-undang Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dari sudut ini, kedatangan mereka membawa perubahan berbentuk pemodenan kepada masyarakat di Tanah Melayu.¹²³ Pengkaji mengakui kesan positif dari kedatangan mereka, tetapi disebalik perancangan tersebut pihak penjajah cuba menyebarkan fahaman mereka yang jelas memberi kesan negatif kepada Islam.

¹²¹ *Ibid.*

¹²² *Ibid.*

¹²³ Lihat Winstedt, R.O. (1918), *Op.cit*, hh. 112-118.

4.4 KRITIKAN TERHADAP PANDANGAN WINSTEDT

Hasil analisis terhadap pandangan Winstedt menerusi karya-karya beliau di atas, pengkaji mendapati terdapat kesilapan beliau dalam memahami selok-belok Islam khususnya hal yang berkaitan perundangan Islam. Winstedt telah diangkat sebagai seorang yang pakar dalam merungkai sejarah Melayu merangkumi sejarah, kesusasteraan, budaya dan masyarakat. Kehebatan beliau ini telah dijadikan rujukan orientalis lain dalam meneruskan kajian berkenaan Tanah Melayu.

Kesilapan yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah sejauhmana kebenaran pandangan Winstedt berkenaan undang-undang Islam di Tanah Melayu, pada hal ia bukan dari kepakaran beliau. Setiap pandangan tersebut didasari sudut penilaian yang berat sebelah dan kita sudah sedia maklum bahawa pihak penjajah terkenal dengan sifat permusuhan di antara pihak Islam menerusi siri peperangan sebelum ini. Berdasarkan perbincangan bab yang lepas, pihak orientalis termasuk Winstedt terkenal dengan sudut pemikiran yang menolak agama dalam kehidupan dan berpegang dengan prinsip sekularisme. Sebarang pembuktian menerusi wahyu seperti al-Quran, dari sudut pemikiran golongan ini tidak diperakui kebenarannya dan dianggap sebagai tidak relevan untuk mempercayainya. Golongan ini mengangkat kedudukan akal sebagai tahap tertinggi dalam membuat sesuatu penilaian.¹²⁴ Seperti di Tanah Melayu, pengkaji mendapati Winstedt jelas membandingkan kedudukan undang-undang adat dengan undang-undang Islam. Sejuahmana penerimaan masyarakat di Tanah Melayu terhadap undang-undang Islam, tetapi pada masa yang sama mereka sangat berpegang teguh dengan undang-undang adat.

¹²⁴ Winstedt, R.O. (1988), *Op.cit*, h. 64.

Undang-undang adat jelas tehasil dari sudut pertimbangan akal manusia. Menurut Zainur Zakaria, “*Adat, as used in the region, can mean custom, courtesy, proper behaviour or customary law. Reference to adat in this section is taken to mean customary law or customs which have legal consequences*”.¹²⁵ Undang-undang adat Melayu adalah senarai peraturan yang disusun berasaskan adat istiadat, nilai, norma, moral atau adab yang menjadi amalan hidup zaman kesultanan Melayu, khususnya sebagai panduan dan kawalan kepada raja dan pembesar dalam melaksanakan proses pemerintahan negara.¹²⁶ Justeru, berpandukan kepada pengertian di atas, pihak penjajah telah melakukan provokasi berkenaan tahap penerimaan undang-undang Islam di Tanah Melayu ke atas masyarakat Melayu yang begitu berpegang teguh dengan undang-undang adat.

Seperti yang dibincangkan di bahagian sebelum ini, Chee Nyuk Yan menerusi kajian beliau terhadap karya Noor Aisha Abdul Rahman, berpandangan bahawa undang-undang Islam dan adat tidak boleh dibangunkan bersama. Kedua-duanya sangat bertentangan kerana faktor perbezaan sosial di antara kawasan Timur Tengah dan Tanah Melayu, yang mana dilihat tidak bersesuaian untuk dipraktikkan di sini.¹²⁷ Malah, Winstedt sendiri berpandangan sebegitu. Beliau menekankan pandangan bahawa undang-undang Islam yang dibawa ke Tanah Melayu mengandungi banyak tafsiran yang salah, statik dan memberi kesan negatif kepada undang-undang di Tanah Melayu.¹²⁸

¹²⁵ Zainur Zakaria (1995), “The Legal System of Malaysia”, dalam *Asean Legal System*, Singapore: Butterworth Asia, h. 79.

¹²⁶ Lihat Jelani Harun (2008), “Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London”, dalam *Sari*, 26, h. 131.

¹²⁷ Chee Yunk Yan (2009), *Op.cit.*, h. 140.

¹²⁸ Winstedt, R.O. (1918), *Op.cit.* hh. 41-63.

Tetapi, pengkaji menolak pandangan tersebut dengan merujuk pandangan dari Noor Aisha Abdul Rahman. Beliau dalam soal di atas, berhujah *“Islam accommodates customary law so long as these are in consonance with its essential doctrine and principles”*.¹²⁹ Noor Aisha Abdul Rahman jelas tidak bersetuju dengan dakwaan pihak penjajah berkenaan masalah di atas. Menurut beliau, selagi mana undang-undang adat tidak bertentangan dengan undang-undang Islam ia tidak menjadi masalah untuk menerima dan mengamalkan undang-undang tersebut. Malah, beliau juga menolak hujah pihak penjajah seperti Winstedt yang mengatakan undang-undang Islam sebagai statik dan tidak dapat memenuhi kehidupan masyarakat di Tanah Melayu.¹³⁰ Pengkaji dalam menguatkan hujah tersebut merujuk pada Fasal 71 dalam Undang-undang Sungei Ujong, dinyatakan:

“Adat confirms religious law as is said in the hadith “...when adat has a strong position in a country, it serves as religious law”, for the strenght of adat is based on the concensus of all religious scholars and the companions of the Prophet. For that reason, adat is strengthened, religious law is enforced, both are employed to the present day, unchanging down the generations, handed from our ancestors”.¹³¹

Bagi pengkaji, setiap pandangan dari pihak penjajah termasuklah Winstedt jelas mempunyai sentimen negatif terhadap Islam. Pada tanggapan mereka, adat yang berasal dari penggunaan akal adalah sangat bertentangan dengan undang-undang berdasarkan sumber wahyu yang belum tentu kebenaran tersebut. Ditambah lagi, undang-undang Islam hanya sesuai dilaksanakan di Timur Tengah sahaja kerana perbezaan budaya dan cara hidup.¹³² Adat ataupun *`urf*, kedua-duanya membawa maksud yang sama. Cuma

¹²⁹ Noor Aisha Abdul Rahman (2006), *Op.cit*, h. 52.

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ Winstedt, R.O. & De Jong, Joselin (1954), “A Digest of Customary Law from Sungei Ujong”, dalam *JMBRAS*, v. XXVII, p. 3, hh. 51-52.

¹³² Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, hh. 91-118.

penggunaan perkataan *`urf* banyak digunakan di Timur Tengah.¹³³ Menurut al-Suyūṭī, *`urf* dan adat merupakan satu bentuk tingkah laku yang diamalkan berulang kali sehingga menjadi kebiasaan yang diketahui dan diterima oleh masyarakat serta tidak berlawanan dengan syarak.¹³⁴ Kedua-duanya mempunyai signifikan tersendiri sebagai sumber dan instrumen hukum dalam sesebuah masyarakat. Berpandukan kenyataan tersebut, *`urf* dan adat perlu diambilkira sebagai nilai tempatan yang menjadi asas kepada pembentukan hukum Islam. Bagi menjadikannya sebagai sesuatu hukum yang kuat dan diterima pakai, ia perlu memenuhi kriteria tertentu bagi menjamin kesenangan dan kemudahan kepada masyarakat.¹³⁵

Terdapat beberapa kaedah yang berkaitan dengan *`urf* dan adat yang menjadi asas kepada pembinaan sesuatu hukum. Di antara kaedah tersebut adalah:¹³⁶

- i. Adat diperakui sebagai nilai hukum.
- ii. Amalan manusia dikira sebagai hujah yang wajib diamalkannya.
- iii. Perkara yang dilarang pada adat sepertimana yang dilarang pada realitinya.
- iv. Sesungguhnya adat hanya diambilkira apabila ia diamalkan secara menyeluruh dan meluas.
- v. Perkara yang diketahui secara *`urf* seperti yang disyaratkan.
- vi. Setiap hukum yang syara' datangkan secara mutlak, sedangkan tiada garis panduan terperinci pada syara dan juga pada bahasa, maka hendaklah dirujuk kepada *`urf*.

¹³³ Mohd Anuar Ramli (2006), "Instrumen *`Urf* dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa di Malaysia", dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, j.17, h. 257.

¹³⁴ Lihat Al-Suyūṭī, Jalāl al-Din `Abd al-Rahman (2003), *al-Asybah wa al-Nazāir*, j. 1, Beirut: al-Maktabah al-`Asriyyah, h. 193.

¹³⁵ *Ibid*, h. 194.

¹³⁶ Lihat `Izzuddīn `Abd al-Salām (2000), *Qawā'id al-Aḥkām fī Iṣlāh al-Anām*, j. 1, Dimashq: Dār al-Qalam.

Berdasarkan penerangan di atas, terbukti bahawa adat merupakan asas kepada pembinaan sesuatu hukum. Ini dijadikan suatu bukti yang kukuh bagi menolak hujah pihak penjajah termasuk Winstedt yang mendakwa undang-undang Islam tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan adat dan budaya. Pengkaji juga merujuk pandangan dari Mohd Anuar Ramli bagi memperjelaskan lagi analisa ini. Beliau telah merumuskan terdapat beberapa pensyaratan yang perlu diambil kira, agar ia selari dengan prinsip syariat, iaitu:¹³⁷

- i. Sesuatu *`urf* itu tidak bertentangan dengan nas syarak sama ada al-Quran mahupun al-Sunnah. Sekiranya *`urf* tersebut berlawanan dengan nas, maka ia tidak boleh diambil kira dan diamalkan seperti pemakaian yang mendedahkan aurat.
- ii. *`Urf* itu diamalkan secara menyeluruh dan meluas oleh masyarakat. Kalau pun ada yang tidak mengamalkannya hanya dalam jumlah yang minimum.
- iii. *`Urf* atau adat yang akan dirujuk dalam sesuatu tindakan itu sudah wujud ketika hendak melakukannya. Maksudnya, *`urf* tersebut telah mendahului waktu tindakan dan berterusan sehingga berlakunya tindakan itu.
- iv. Tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang terang-terangan menyalahi *`urf*. Sekiranya terdapat perkataan atau perbuatan yang mengetepikan *`urf* atau adat, maka tidak harus berpegang dengan *`urf* tersebut.

4.5 KESIMPULAN

Hasil analisis yang diperolehi dalam bab ini, pengkaji mendapati karya-karya Winstedt yang dijadikan sebagai rujukan tidak banyak yang membincangkan mengenai undang-

¹³⁷ Mohd Anuar Ramli (2006), *Op.cit*, hh. 263-264.

undang Islam. Namun, karya yang terdapat banyak perbincangan mengenai perkara tersebut ialah *The Malays: A Culture History*. Perbincangannya meliputi pandangan Winstedt mengenai perbandingan di antara undang-undang adat dan Islam. Melalui kajian terhadap karya tersebut, pengkaji menemui satu jawapan, di mana beliau mengangkat kedudukan undang-undang adat memandangkan ia merupakan hasil dari penggunaan akal. Winstedt jelas menolak undang-undang Islam yang mempunyai kaitan dengan adat. Walaupun beliau menolak undang-undang tersebut dan mengangkat kedudukan undang-undang adat, ini hanyalah bertujuan untuk mengecilkan bidangkuasa perundangan Islam di Tanah Melayu.

Alasan penolakan terhadap pandangan Winstedt ini dilihat begitu jelas kerana adat ataupun *`urf* merupakan asas kepada pembentukan hukum Islam. Ini sangat bertentangan dengan pandangan Winstedt di atas. Kekuatannya dibuktikan oleh dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Namun, ia tidak boleh digunai pakai secara mutlak dan terdapat syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi untuk menjadikannya sebagai sumber hukum. Dalam memberikan pandangan peribadi terhadap undang-undang Islam, Winstedt dilihat tidak lupa untuk mengangkat kehebatan undang-undang Barat sebagai lebih memenuhi kehendak masyarakat dunia dan menjamin kesenangan kepada sesiapa yang mempraktikkannya.